

## UNDANG-UNDANG WAKAF YANG BERKUATKUASA DI KEDAH

### Latarbelakang Sejarah

Mengikut pendapat yang diterima umum, institusi wakaf ujud senenjak zaman Rasulullah s.a.w. Didalam suatu hadis, Anas bin Malik menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. ingin membeli sebuah tanah dari Banu al-Najjar dengan tujuan membina sebuah mesjid; beliau bersabda, "Hai tukang kayu, juallah kepadaku perkarangan mu ini!" Ialu mereka menjawab, "Tidak, deni Allah kani tidak akan meminta wangnya, kecuali (meminta pahalanya) kepada Allah." Ialu diambil Nabi tanah perkarangan itu, maka didirikannya sebuah mesjid.<sup>1</sup> Menurut suatu hadis yang lain, Umar, Khalifah yang kedua, telah mendapat sebidang tanah yang cukup berharga di Khaibar; jadi ia mendekati Nabi s.a.w. untuk meminta nasihatnya. Ia mengatakan, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah mendapat sekeping tanah di Khaibar yang lebih bernilai dari harta-harta yang pernah saya dapati, apakah nasihatmu mengenainya?" Nabi s.a.w. menjawab, "Jika engkau suka, tahanlah tanah itu dan engkau sedekah kanlah manfaatnya."<sup>2</sup> Fuqaha-fuqaha juga mempunyai pendapat yang sama seperti diatas mengenai permulaan ujudnya wakaf.<sup>3</sup>

1. Al-Bukhari, Sahih, Cairo 1377, AH., Wasaya, Bab 28, 31, 35.

2. Al-Bukhari, op.cit. Wasaya Bab 29, Muslim, Sahih, Bab al-waqf 4

3. Mhd. Zain bin Haji Othman, "The Theory Practice and Administration of Waqf with Special Reference to the Malayan State of Kedah." n.s. 17

Di Tanah Melayu dipercayai bahawa wakaf ujud bersama kedatangan Islam kerana apabila orang-orang disini mengenut Ugama Islam, mesjid-mesjid didirikan dan sudah tentu selepas beberapa lama tanah tapak mesjid itu nerupakan tanah wakaf. Oleh kerana ketiadaan catitan-catitan sejarah, tarikh yang tepat tidak dapat diberikan mengenai keujudan wakaf di negeri Kedah, tetapi adalah menasabah jika dikatakan bahawa ianya ujud bersama kedatangan Islam ke negeri ini.

Mengikut Dr. Zain, pada masa lempau di Kedah, wakaf ditadbirkan oleh Pejabat Tanah dan Majlis nongaribilalih Kuasa ini hanya apabila ianya menjadi sebuah badan berkanun.<sup>1</sup> Dengan hormatnya, penulis tidak dapat bersetuju dengan pendapat ini kerana wakaf sebagai institusi yang berhubung rapat dengan ugama Islam adalah pada bila-bila masa termasuk di dalam bidangkuasa Pejabat Ugama atau badan-badan berkuasa ugama yang lain. Peranan Pejabat Tanah berhubung dengan wakaf adalah semata-mata bagi mematuhi peruntukan Kanun Tanah Negara dan undang-undang tanah sebelumnya, iaitu didalam perkara nencatitkan tegahan (caveat) didalam geran-geran tanah yang telah diwakafkan dan juga mendaftarkan dokumen-dokumen wakaf.<sup>2</sup> Jika peranan sampingan ini dinaksudkan dengan pentadbiran oleh Dr.Zain, maka ianya mengelimakan jika dibandingkan dengan tu-

1. Ibid n.s 354.

2. Terurahan dengan ato Mohd. Shariff bin Puteh, Bekas Pengarah Tanah, Kedah dan Tuan Haji Zakaria bin Mohd. Sud, bekas Penolong Pesuruhjaya Tanah, Kedah.

tugas mentadbir yang dijalankan oleh Majlis sekarang. Majlis mempunyai kuasa keatas hasil dari harta-harta yang diwakafkan, membuat peraturan-peraturan mengenainya dan mengambil tindakan diatas penyalahgunaan dengan harta-harta itu, walhal tugas Pejabat Tanah berhubung dengan wakaf selesai sebaik sahaja tanah itu didaftarkan sebagai wakaf.

Sebelum ujudnya Majlis Ugama Islam Kedah yang ada sekarang, hal ehwal Islam ditadbirkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang ditubuhkan di bawah Enakmen 1 Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, 1367 (1948). Lebih awal dari ini, hal-hal ugama Islam ditadbirkan oleh Mahkamah-Mahkamah Kadhi. Tetapi hal ehwal wakaf tidak diuruskan oleh mana-mana badan tertentu sebelum tertubuhnya Majlis Ugama Islam Kedah, pada tahun 1965. Biasanya dokumen-dokumen wakaf khas yang didaftarkan memerlukan siapa yang hendak dijadikan nazir amanah. Justeru itu wakaf-wakaf khas ditadbirkan sendiri oleh orang-orang persaorangan dan badan-badan (seperti jawatankuasa mesjid) seperti yang diperlukan didalam dokumen-dokumen itu. Orang-orang ini menjadi nazir amanah atau mutawalli kepada wakaf-wakaf yang diujudkan dan menguruskan harta-harta wakaf mengikut budibicara mereka sendiri tanpa kawalan. Jika pun terdapat kawalan, maka ianya

1. Enakmen No. 4 1367 (1948)

didalam bentuk 'conscience' akibat dari pengetahuan pribadi nengenai Islam dan syariah.

Selanjutnya, tanah-tanah wakaf an setelah didaftarkan dan dicatatkan tegahan, diserahkan kepada Pejabat Tanah. Dengan perkataan lain, tanah-tanah wakaf an kembali kepada milik kerajaan dan dikeluarkan sijil risap (reserve certificate). Tanah-tanah ini dibiarkan didalam keadaan asalnya tanpa di ganggu sehingga timbulnya keperluan orang-orang Islam untuk mendapatkan tanah bagi mendirikan mesjid atau surau atau untuk dijadikan tanah perkuburan.<sup>1</sup>

---

1. Temuramah dengan Yang di Pertua Majlis Ugama Islam, Kedah. Dato' Sheikh Abdul Majid Kadhi Besar Kedah, Dato Sheikh Abdul Aziz.

Keadaan Wakaf diujudkan.

Seperi dinegeri-negori lain di Malaysia, undang-undang wakaf mengikut Mazhab Shafi'i<sup>1</sup> adalah berkuatkuasa di Kedah. Tetapi jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa nonikirkan bahawa dengan mengikut sara'at kaul muktamet ataupun kaul yang dhaif daripada Mazhab Shafi'i itu akan menjadi berlawanan dengan mulsilah orang ramai, maka bolchlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa dengan mendapat izin yang khas daripada Duli Yang Maha Mulia (Sultan) mengikut nana-nana satu kaul daripada Mazhab yang tiga lagi itu iaitu Hanafi, Maliki atau Hanbali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai, akan tetapi didalam nana-nana fatwa yang demikian, maka syarat-syarat dan dasar-dasar yang akan dikuti itu hendaklah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraiyan yang mustahak.<sup>2</sup>

Mengikut Mazhab Shafi'i wakaf boleh diujudkan dengan tiga cara, iaitu:

- i) dibuat pada waktu sihat,
- ii) dibuat pada nasa sakit teruk, (nard al-naut), dan
- iii) dibuat melalui wasiat.<sup>3</sup>

Didalam keadaan pertama, penukaran hak/milik<sup>milik</sup> adalah diperlukan.

Wakaf yang dibuat melalui wasiat seperti keadaan ketiga berkuatkuasa apabila pembuat wakaf (wakif) noninggal dunia, dan oleh

- 
- 1. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah 1962 (NO.9) s 38(1).
  - 2. Ibid. Proviso S. 38(1).
  - 3. Lihat juga seksyen 92(1) Enakmen.

kerana hanya sepertiga dari harta boleh diwasietkan, maka sebahagian ini sahaja boleh diwakafkan melalui wasiat.<sup>1</sup> Didalam keadaan kedua, juga sepertiga dari harta wakif boleh diwakafkan.

#### Takrif Wakaf

Dari segi bahasa 'wakaf' bermakna 'menghalang' atau 'menahan'.<sup>2</sup> Mengikut Istilah undang-undang Islam, 'wakaf' mempunyai pengertian 'melindungi sesuatu dan menahannya dari menjadi harta pihak ketiga'.<sup>3</sup>

Mengikut Imam Abu Yusuf, 'wakaf' melambangkan pengambilan sesuatu bonda yang tertentu dengan suatu cara supaya iaanya tertakluk kepada peraturan-peraturan harta keTuhanan dinana hak-hak wakaf terhadap harta itu lenyap, dan harta itu menjadi harta Allah supaya faedah darinya berpindah kepada maklukNya.<sup>4</sup>

Imam Shafi'i mempunyai pendapat yang sama dengan Imam Abu Yusuf, iaitu, dinana modal harta berpindahnilik kepada Tuhan, dan jika penerima-penerima wakaf gagal, maka faedah darinya berbalik kepada waris-waris wakif.<sup>5</sup>

1. Kecuali jika diizinkan oleh waris-waris sinati. Lihat juga S. 92(1).
2. Muhammad Zain bin Haji Othman., The Theory, Practice, and Administration Of Waqf with Special Reference to The Malayan State of Kedah." Tesis PH.D di Universiti St. Andrews, Scotland, 1970. n.s. 33.
3. Al-Sarakhsy "Al-Mabsud," Cairo, 1906.Vol.12, n.s 27.
4. Aneer Ali, "The Law Relating to Gifts, Trusts and Testamentary Dispositions Among The Mohamedans, 1885. n.s 185.
5. Nawawi, Minhaj at-Talibin, terjemahan oleh E.C. Howord n.s 185 - 189.

Sebelum diteliti keperluan-keperluan wakaf yang sah, eloklah dinyatakan disini bahawa wakaf adalah berbeza dari amanah khairat didalam undang-undang Inggeris. Wakaf merupakan suatu pemberian kegunaan dan walaupun iaanya mempunyai faedah-faedah khairat, ia tidak senestinya mempunyai unsur faedah awam. Justeru itu kita dapati wakaf untuk faedah orang-orang miskin dan juga kaya. Sesuatu wakaf juga sah jika ditujukan kepada anak cucu wakif sendiri.

### Rukun-Rukun Wakaf

Wakaf yang sah perlu memuaskan beberapa syarat atau rukun yang tertentu. Rukun-rukun itu terdiri dari:

#### 1. Wakif

Seorang pembuat wakaf (wakif) mestilah mempunyai milik dan kewarisan yang sempurna keatas hartanya. Dengan perkataan lain ia mestilah berkuasa penuh diatas hartanya; iaitu, ia mempunyai kuasa untuk menguasakan sesuatu urusan (dealing) ke atas harta yang hendak diwakafkan itu, dengan kehendak dirinya sendiri. Tetapi Sultan atau Ketua Ugama boleh mewakafkan harta dari Baitul-Mal walaupun hakmiliknya tidak sempurna.<sup>1</sup> Selanjutnya seorang wakif mestilah mempunyai keupayaan mengistiharkan kehendaknya, iaitu, melafazkan wakaf. Ia mestilah seorang ahli membuat kebijakan (at-tabarruk). Ini bermakna bahawa kanak-

1. Al-Khatib, Mughni al- Muhtaj, 1958 n.s. 223-224

kanak, orang yang tak sempurna akal, orang bodoh atau ditiup, orang yang cedera penca indera dan sinduhur alaihi tidak boleh menjudikan wakaf yang sah. Seorang ahli menbuat kebajikan walaupun ia kafir boleh nowakafkan hartanya.<sup>1</sup> Juga orang yang disokat hartanya, seperti oleh kerana suatu pajakan atau sewaan, boleh menjudikan wakaf, tetapi seorang muflis tidak boleh.<sup>2</sup> Di Kedah lafaz wakaf disediakan terlebih dahulu dan siwakif dikhendaki membaca lafaz ini. Diantara lain lafaz itu mengandungi perkataan-perkataan, 'Saya..... dengan suci hati.....',<sup>4</sup> atau 'Aku ..... dengan kehendak dan kesukaan hati ku sendiri.....,<sup>5</sup> maka wakaf yang dibuat oleh seorang yang dipaksa atau yang mempunyai niat jahat juga tidak sah.

## 2. Benda atau Harta yang di wakafkan (naukuf)

Benda atau harta yang diwakafkan mestilah sesuatu yang kekal zatnya, iaitu, boleh digunakan selama-lamanya.<sup>6</sup> Tidak sah sesuatu wakaf jika barang yang diwakafkan tidak dapat kita mengambil manfaat darinya melainkan dengan merusakkan atau menisahkan denganannya.<sup>7</sup> Justeru itu tidaklah sah seorang newakafkan nakanan, minuman, air, wang dan lain-lain benda yang zatnya

cepat hilang dan hancur.<sup>8</sup> Tetapi dengan pengecualian diatas

1. Al-Bajirni, Haskiyah 'ala Minhaj al-Tullah, 1891. n.s. 223-224

2. Ibid. n.s. 224

3. Lihat Lampiran C

4. Lihat Lampiran A

5. Al-Khatib, op. cit n.s. 377.

6. Shiddiqy, 'Hukum Fiqh Islam. n.s 159

7. H. Idris Ahmad , 'Fiqh Shafi'i 1969, n.s. 95

benda yang diwakafkan bolch jadi harta alih dan takalih, atau benda-benda yang berupaya nonjadi hak milik seorang individu sahaja. Tetapi tidak bolch diwakafkan seorang hamba atau sehingga lai pakaian kecuali dinyatakan dengan khusus; juga tidak sah newakafkan diri sendiri dan anjing yang diajar menburu. Harta yang diniliki bersama boleh diwakafkan sekiranya kedudukan harta dan bahagian harta yang dipunyai oleh wakif itu ditentukan dengan jelas dan tepat. Justeru itu adalah sah jika diwakafkan bangunan dan ladang yang terletak diatas tanah yang disewakan untuk tujuan itu, yang diniliki oleh orang lain.<sup>1</sup> Dalil sahnya wakaf harta yang diniliki bersama ialah dari hadis berikut:

\* Telah berkata 'Umar kepada Nabi s.a.w, 'Sesungguhnya saya nonpunyai seratus saham di Khäibar, belum pernah saya nonpunyai harta yang lebih saya kasih daripada itu, sesungguhnya saya bernaksud menyedekahkannya.' Jawab Nabi s.a.w. 'Engku tahan asalnya dan sedekahkanlah buahnya.' Riwayat Nasa'i dan Ibnu Majah."

Selanjutnya benda yang diwakafkan itu mestilah bolch dimiliki. Dengan ini binatang yang masih didalam kandungan ibunya tidak bolch diwakafkan.

Harta yang diwakafkan mestilah boleh memberi faedah pada nasa ianya diwakafkan atau <sup>pada</sup> nasa ~~dopan~~.<sup>2</sup> Bajirmi berpendapat seorang tidak boleh newakafkan faedah (usufruct) dari sesuatu

---

1. Nawaei, op.cit n.s 230.

2. Al-Bajirmi. op. cit n.s 224.

harta sahaja tanpa newakafkan modalnya (corpus) bersama, misalnya, newakafkan susu lembu tanpa newakafkan lembu yang mengeluarkan susu itu adalah tidak sah.<sup>1</sup> Dengan lain perkataan seorang tidak boleh hanya newakafkan faedah yang didapati dari sesuatu harta, tetapi masih menegang hak milik kepada harta itu. Jika perkara ini benar, maka bagaimakah keadaan sebaliknya, dinana seorang newakaf modal harta, misalnya sekopong tanah, tetapi masih menahan untuk mengambil hasilnya? Penulis ini berpendapat bahawa wakaf seperti ini adalah tidak sah kerana sesuatu harta tidak berguna tanpa mendapat faedah darinya. Misalnya sebidang tanah tidak berguna jika kita tidak dapat menikmati faedah darinya. Begitu juga sebuah rumah per se tidak berguna. Justeru itu seorang wakif mestilah melupuskan kedua modal dan faedah dari harta sebelum wakafnya boleh dikatakan sempurna dan sah. Petikan dari Al Quran perlu diturunkan sebagai nas: Firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

"Kamu sekali-kali belum sampai kepada kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu mebelanjakan sebahagian harta yang kamu cintai."<sup>2</sup>

Mengikut Bajirmi<sup>3</sup> alat-alat hiburan dan perhiasan tidak boleh diwakafkan. Alasan yang diberikan alat-alat hiburan diharankan, oleh itu tidak sah newakafkan benda yang haran.

1. Ibid n.s 225

2. Al-Quran : Surah Al Inran 3: 92

3. Al Bajirmi , Op.cit n.s 225

Penulis ini berpendapat bahawa persoalan yang perlu diselesaikan disini ialah adakah alat-alat hiburan diharankan? Jika jawapannya positif, maka alat-alat hiburan tidak boleh diwakafkan, tetapi jika sebaliknya, maka ianya dibolehkan. Mengenai alat-alat perhiasan penulis ini sepandapat dengan juris-juris yang memberi alasan berdasarkan tujuan diujudkan wakaf, iaitu, perhiasan bukanlah menjadi tujuan sesuatu wakaf.

### 3. Penerima Wakaf (naukuf 'alaihi)

Penerima wakaf bolch jadi orang persaorangan atau beberapa orang tertentu atau sesuatu badan, yang berhak menerima dan boleh jadi tuanpunya, harta yang diwakafkan itu. Selanjutnya pihak yang menerima wakaf mestilah ditentukan atau boleh ditentukan dengan jelas. Justeru itu wakaf yang dibuat untuk faedah seorang anak yang masih didalam kandungan ibunya (infant. en ventre sa mere) adalah tidak sah.<sup>1</sup> Menurut al-Khatib<sup>2</sup>, jika seorang bakal wakif berada dihadapan dua orang lain dan ia melafazkan, 'Aku wakafkan tanah ini kepada salah seorang dari kamu', maka wakaf itu tidak sah kerana tidak jelas kepada siapa ianya ditujukan.

Di Kedah, Enekmen memperuntukkan baha jaka oleh kerana jangkauan masa atau perubahan keadaan, maka tidak lagi dapat dijalankan dengan berfaedah peruntukan-peruntukan tepat wakaf itu, Majlis hendaklah menyediakan suatu rancangan bagi menggunakan harta dan aset-aset itu mengikut suatu cara yang sehampir-hampir

1. Nawawi, Op. cit m.s 230

2. Al-Khatib, Op.cit m.s 379.

sama dengan yang dikehendaki oleh syarat-syarat bagi wakaf atau nazir am itu, dan hendaklah menggunakan secara begitu; dengan syaratnya bolehlah Majlis dengan kebenaran yang bertulis daripada Duli Yang Maha Mulia memerintahkan bahawa harta-modal dan aset-aset itu dimasukkan kedalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan wang Pentadbiran Am.<sup>1</sup> Komudian diperuntukkan pula bahawa, jika syarat-syarat mana-mana wakaf am tidak mengandungi cara penggunaan hartamodal dan aset-aset yang tepat, atau cara penggunaan itu tidak jelas, maka Majlis boleh mengarahkan supaya hartamodal dan aset-aset itu dimasukkan kedalam atau menjadi sebahagian dari Kumpulan wang Pentadbiran Am.<sup>2</sup> Pengaruh peruntukan-peruntukan diatas, kecaburan dan ketidak tepatan tidak akan membatalkan sesuatu wakaf. Tetapi kesannya ialah bahawa Majlis boleh merojokkan hal itu kepada Jawatankuasa Fatwa <sup>bagi</sup> mendapat pandangannya tentang makna dan kesan suratan dan pengistiharan yang meujudkan wakaf itu, dan Majlis hendaklah menurut pendangan yang diberikan oleh Jawatankuasa itu atau bilangan yang terbanyak daripadanya, melainkan Duli Yang Maha Mulia memberi arahan yang lain.<sup>3</sup>

Wakaf boleh ditujukan kepada seorang kafir Zimmi, tetapi tidak sah wakaf yang dibuat untuk faodah kafir Harbi

- 
1. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah 1962, s. 94(2)
  2. Ibid, s. 94(3)
  3. Ibid s. 95

dan seorang murtad.<sup>1</sup> Wakaf kepada diri sendiri juga tidak sah,<sup>2</sup> tetapi ada pendapat yang lemah yang mengatakan jika seorang mewakafkan kepada diri sendiri dan diniatkan untuk membuat mesjid, maka wakafnya sah. Pendapat yang lebih kuat dan Nawawi sendiri mengatakan tidak sah wakaf kepada diri sendiri.<sup>3</sup> Wakaf untuk sesuatu tujuan maksiat seperti membina gereja adalah tidak sah.<sup>4</sup> Seterusnya dibolehkan wakaf bagi faedah fakir miskin, ulama-ulama, murid-murid, mesjid, sekolah dan untuk membina jalanraya, dan jembatan. Wakaf kepada orang kaya juga dibolehkan. Tetapi menurut Al-Khatib, wakaf kepada orang kaya tidak dibolehkan kerana orang kaya tidak memerlukan harta yang diwakafkan itu. Al-Khatib menerangkan jika wakif tidak tahu penerima wakaf itu seorang kaya dan kemudian ia diberitahu, orang yang memberitahu mestilah membuktikan bahawa si-penerima itu seorang kaya. Jika perkara ini dapat dibuktikan, maka wakaf itu tidak sah.<sup>5</sup>

Menurut Al-Nawawi wakaf yang ditujukan kepada seorang yang khas tidak sempurna melainkan orang itu menerimanya.<sup>6</sup>

Menurut pendapat yang lain pula, penerimaan tidak dimestikan walaupun ianya wakaf khas. Tetapi jika wakaf itu ditujukan kepada seorang tertentu dan orang itu menolaknya, maka wakaf itu

1. Al-Bajirmi, Op.cit m.s 227; Nawawi Op.cit m.s 230.

2. Al-Khatib, Op.cit n.s 379-380

3. Nawawi, Op.cit n.s 230.

4. Nawawi, Op.cit n.s 230.

5. Al-Khatib, Op.cit n.s 381.

6. Nawawi Op.cit n.s 231.

menjadi batal.<sup>1</sup>

Pendapat yang disepakati umum mengatakan bahawa wakaf untuk faedah keluarga wakif sendiri adalah sah. Tetapi di kalangan ulana-ulama Mazhab Hanafi, Muhammad Al-Shaibani menegaskan bahawa wakaf kepada keluarga sendiri tidak sah tanpa menyebut dengan nyata orang miskin atau mana-mana badan khairat yang tetap sebagai penerima yang muktamad; penegasannya ialah untuk memastikan bahawa unsur berkekalan itu ujud dan bukan kerana hendak membawa unsur khairat kedalam sifat wakaf.<sup>2</sup> Pendapat yang sahih dari Mazhab Shafi'i dan Hambali tidak memberi syarat ini. Didalam kitab Tuhfahnya, Ibnu Hajar menyatakan "Jika ia mengatakan, 'Saya wakafkan untuk faedah anak-anak saya' atau 'untuk faedah Zaid dan zuriatnya' atau mana-mana objek yang serupa yang tidak berkekalan, dan jika ia tidak menambahkan apa-apa lagi, maka pendapat yang lebih sahih ialah bahawa wakaf itu sah. Ini adakah kerana tujuannya ialah mendekati Allah dan berkekalan; jadi jika penerima-penerima pertama disebutkan, ianya boleh diteruskan bagi faedah mana-mana tujuan yang baik. Jika penerima-penerima yang disebutkan itu lenyap, pendapat yang lebih sahih ialah pemberian itu patut diteruskan sebagai wakaf kerana wakaf mempunyai sifat berkekalan.

1. Al-Bajirmi, Op.cit m.s 226

2. Ahmad Ibrahim , Islamic Law in Malaysia, 1965, m.s 278-279

Pendapat yang lebih sahih ialah bahawa pendapatan dari wakaf itu patut diserahkan kepada keluarga siwakif yang terdekat (bukan waris yang terdekat). Sepatutnya dipentingkan keluarga yang miskin dicintara mereka, dan bukan yang kaya. Tetapi jika keluarganya tidak ada atau kesemuanya kaya, maka Sultan patut membolanjakan pendapatan itu untuk kepentingan rasyarakat Islam. Ada yang mengatakan bahawa ianya patut diberikan kepada orang-orang yang miskin yang tinggal di tempat terletaknya harta itu."<sup>1</sup>

Zainuddin Al-Malibari didalam Kitab Fath al-Muin mempunyai pendapat yang sama.<sup>2</sup>

#### 4. Lafaz Wakaf (Sighah)

Wakaf yang sempurna dan sah mestilah dilafazkan dengan terang. Apa yang dikohendaki dengan syarat ini ialah bahawa lafaz itu boleh melahirkan maksud atau niat wakaf dan ianya boleh dibuat secara tulisan dan juga secara lisan.<sup>3</sup> Misalnya, "Aku wakafkan harta ini," atau "Tanah ini aku wakafkan untuk faedah seorang," adalah terang. Dibolehkan juga seorang melafazkan niatnya secara kinayah<sup>4</sup> atau kiasan dan dari perkataan-perkataan yang digunakan dapat difahami dengan jelas ianya membawa maksud wakaf. Misalnya "Aku harankan benda ini selama-lamanya bagi diriku," atau "Aku sedekahkan benda ini bagi tujuan am."<sup>5</sup> Rangkaikata-rangkaikata, "aku jadikan pemberiansuci akan sesuatu benda," atau "Benda ini tidak boleh dijual atau diberi kepada

1. Ibn Hajar, Tuhfah, Vol VI, n.s 253 Juga lihat Ahmad Ibrahim Op.cit , n.s. 279.

2. Zainuddin Al-Malabari, Fath- Al -Muin n.s. 91

3. Khallaf, Ahkan al-waqf' 1948 n.s. 73-74

4. Ghazali, Al-Wajiz, n.s 245

5. Bajirmi , Op.citn.s. 228

orang lain," adalah jelas membawa maksud dan tujuan wakaf.<sup>1</sup>

Sebaliknya pernyataan, " Aku memberi," tanpa penjelasan lain tidak boleh dikatakan sebagai jelas, walaupun niatnya adalah untuk membuat wakaf, tetapi jika pernyataan ini bertujuan memberi faedah kepada suatu kumpulan besar atau untuk awam dan bukan untuk seorang atau beberapa orang individu sahaja, maka pernyataan ini adalah jelas.<sup>2</sup> Rangkaikata, " Saya jadikan benda ini suatu benda suci..." atau "saya ingin kekalkan benda ini didalam keadaan zat asalnya," adalah tidak jelas, tetapi perkataan-perkataan, " Saya surahkan harta ini untuk faedah mesjid," adalah mencukupi untuk dijadikan tempat itu khas untuk sembahyang.<sup>3</sup>

### 5. Syarat-syarat wakaf yang sah

Suatu wakaf yang sah mestilah menenuhi beberapa syarat:

#### a) Berkekalan

Mengikut Imam Shafi'i, apabila sesuatu harta diwakafkan, maka modalnya (corpus) berpindahmilik kepada Allah dan lucut dari hak milik wakif. Justeru itu wakaf yang sah mestilah mempunyai sifat berkekalan iaitu benda yang diwakafkan itu hendaklah untuk selama-lamanya dan tidak untuk masa yang terhad.<sup>5</sup> Tetapi wakif tidak perlu menyebut sifat ini didalam lafaznya

1. Nawawi : Op.cit n.s 230

2. Ibid, n.s 231

3. Ibid, n.s 231

4. Ghazali, Op.cit, n.s 247, Nawawi Op.cit, n.s. 232.

5. Al-Bajirni, Op.cit, n.s. 228.

kerana kekekalan adalah perkara yang dianugerahkan.<sup>1</sup> Demikian ini jika seorang mengatakan, " Saya jadikan harta ini wakaf selama setahun," maka wakaf ini tidak sah. Tetapi jika perkataan yang digunakan ialah," Saya jadikan harta ini wakaf untuk faedah anak-anak saya," atau " bagi faedah seorang, dan kemudian kepada zuriatnya," dan berhenti setakat ini, maka wakaf ini sah dan kekal, walaupun setelah keluarga itu lenyap. Faedah dari harta itu ( usufruct) berpindah kepada keluarga wakif yang terdokat pada hari lenyapnya waris-waris yang diperuntukkan oleh wakaf itu.<sup>2</sup>

### b) Kontingen

Wakaf yang diujudkan tertakluk kepada sesuatu syarat atau beberapa syarat adalah tidak sah. Misalnya, wakaf menjadi tidak sah jika wakif mengatakan, " Aku wakafkan harta ini jika Zaid datang," Tetapi beberapa orang juris mengatakan bahawa wakaf yang ditaklik dengan mati adalah sah, misalnya, "Aku wakafkan rumah aku ini setelah aku mati kepada orang-orang niskin,"<sup>3</sup> Mengikut Al-Qulyubi cara ini adalah suatu seperti wasiat.<sup>4</sup> Jika pendapat Al-Qulyubi diterima, maka wakaf yang diujudkan berkuatkuasa keatas seperti sahaja dari harta peninggalan wakif kerana sebahagian itu sahaja sah di wasiatkan. Juga dalam keadaan ini wakif berhak menarik balik wakafnya.

- 
1. Inceer Ali, Op.cit n.s. 206-208; Fyzee, Principles of Mohammadan Law, 1974, n.s. 287; Mohd. Zain b. Haji Othman, Op.cit n.s. 62
  2. Nawawi, Op.cit n.s. 231, Ibn Hajar, Op.cit n.s. 235, Al-Bajirni Op.cit n.s. 229; Al-Halabari, Op.cit n.s. 91.
  3. Al-Ajirni, Op.cit n.s. 228, Nawawi, Op.cit n.s. 231
  4. Al-Qulyubi, Qulyubi wa-'Unairah, Juzu' 3 n.s. 103.

Al-Nawawi pula berpendapat jika sesuatu wakaf dibuat tertakluk kepada sesuatu syarat pilihan, maka ianya juga tidak sah.<sup>1</sup>

c) Tidak boleh dimusnahkan

Sesuatu wakaf yang sah tidak boleh dimusnahkan kerana harta itu telah berpindahmilik kepada Allah dan tidak lagi tertakluk kepada hakmilik individu.<sup>2</sup> Berdasarkan kepada prinsip diatas, pendapat yang sahih mengatakan bahawa wakaf yang dibuat dengan syarat wakif boleh nonariknya balik adalah tidak sah.<sup>3</sup>

d) Tidak boleh diberimilik (inalienability)

Oleh kerana modal harta wakaf diniliki oleh Tuhan, maka ianya mempunyai sifat berkekalan dan tidak pula boleh diberimilik oleh seorang untuk kepentingan dirinya. Dengan ini tumbul prinsip undang-undang bahawa harta wakaf tidak boleh diberinilik, ia itu ianya tidak boleh dijual atau dipindahmilik secara hibbah. Tetapi jika perlu, Kadhi atau Majlis mempunyai kuasa untuk menentahkan supaya harta wakaf dijual kerana kadhi dan majlis sebagai wakil Sultan adalah penegang amanah tunggal bagi semua wakaf<sup>4</sup>. Di Kedah Jawatenkuasa Fatwa telahpun mengeluarkan satu fatwa bahawa jika berlaku apa-apa kesalahan pentadbiran yang menyebabkan harta wakaf dijual maka, " tanah ini dihukumkan

1. Nawawi, Op.cit n.s. 231.

2. Ibid n.s. 232.

3. Al-Bajirni, Op.cit n.s. 229.

4. Al-Khatib, Op. cit n.s. 258-259.

saperti telah binasa,..... dan kenalah kerajaan memberi gantinya dengan tanah lain," seluas tanah yang dijual itu dan dikeluarkan surat hakmilik kepada majlis<sup>1</sup>.

e) Tidak boleh diwarisi

Kesan sesuatu wakaf yang sah ialah bahawa ianya tidak boleh diwarisi, bermakna ianya tidak tertakluk kepada undang-undang warisan biasa<sup>2</sup>. Faedah dari harta wakaf hanya diwarisi dan dinikmati oleh orang atau orang-orang yang diperuntukkan didalam suratan wakaf. Justeru itu peraturan-peraturan kewarisan harta wakaf yang dilatakan oleh wakif hendaklah dipatuhi dengan tegasnya. Wakif mempunyai kuasa yang mutlak untuk menentukan siapa yang akan menerima faedah dari hartanya.

6. Penegang Amanah ( Mutawalli )

Penegang amanah atau mutawalli mestilah seorang yang mempunyai kelakuan yang baik dan layak secara fizikal dan mental untuk menjalankan tugas-tugasnya. Jika wakif telah memperuntukkan didalam suratan wakaf bahawa ia sendiri atau seorang lain nentadbirkan harta wakaf, maka kehendaknya mestilah dipatuhi; tetapi jika perkara ini tidak disebutkan oleh wakif, maka pentadbiran hendaklah dijalankan oleh Mahkamah Syariah atau Kadhi<sup>3</sup>.

- 
1. Fail Jawatankuasa Fatwa - Keputusan <sup>4</sup>esyarat pada 20.3.1970
  2. Nawawi, Op. cit .s 232.
  3. Ibid, m.s 233.

Di Kedah Eneknen memerlukan supaya Majlis menjadi pemegang ananah tunggal bagi semua wakaf yang diujudkan di-dalam negeri, semada wakaf an atau wakaf khas<sup>1</sup>. Justeru itu samada wakif memerlukan penegang ananah atau tidak didalam suratan wakafnya, Majlis berhak dan menpunyai kuasa menjadi Penegang Ananah.

Pada arinya tugas penegang ananah ialah menjaga harta wakaf dan ia berhak mengambil segala tindakan yang munasabah, sesuai dan diluluskan untuk mengekal dan mentadbirkan harta wa-kaf, mengikut peruntukan-peruntukan suratan wakaf. Dalam menjalankan tugasnya, penegang ananah tidak dibenarkan melebihi had-had kuasanya jika sebahagian sahaja dari pentadbiran diberikan kepadanya.<sup>2</sup>

### Kes. TENGKU MARIAM<sup>3</sup>

Didalam kes ini, Tengku Chik, seorang wakif, menyempurnakan suatu dokumen untuk mewakafkan tanahnya. Tanah didalam per-soalan ialah seluas 65,000 ekar dan siwakif memiliki  $\frac{3}{8}$  bahagian daripadanya. Lafaz didalam dokumen itu, antara lain, berbunyi, " Saya, Tengku Chik mengisyiharkan dan mengakui bahawa saya telah memberi sebagai wakaf dan hibbah untuk berkekalan, tanah saya.....untuk faedah diri saya sendiri, yang saya ber-gantung iatas nas Hazhab Hanafi dimana seorang bolch memberi ..

- 
1. Eneknen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah, 1962(No.9) n.s 90(2)
  2. Nawawi, Op. cit n.s 233.
  3. Commissioner for Religious Affairs v. Tengku Mariam [1970]  
IMJ 222

sebagai wakaf untuk diri sendiri, dan saya boleh menikmati faedah dari semua harta yang diwakafkan mengikut apa-apa cara, sepanjang hayat saya." Diperuntukkan juga bahawa selepas kematianya faedah dari harta wakaf itu hendaklah diberikan kepada keluarganya yang disebutkan didalam dokumen itu.

Tengku Chik mati meninggalkan dua orang waris. Seorang darinya mengatakan bahawa wakaf itu tidak sah dan suatu perjanjian dibuat untuk merojokkan perkara itu kepada Mahkamah Syariah atau Mufti Alim Ulama. Mufti mengeluarkan fatwa mengatakan wakaf itu sah dan fatwa disiarkan didalam warta kerajaan.

Persoalan dihadapan Mahkamah Perselutuan untuk tujuan Kajian ini ialah :

- i) Apakah kesan fatwa yang diwartakan?
- ii) Adakah wakaf itu sah atau tidak?

Didalam keputusannya, Mahkamah meletakkan beberapa prinsip undang-undang berkaitan dengan wakaf. Pertama, bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk mendengar dan membuat keputusan ningenai wakaf. Walaupun sesuatu fatwa dikeluar dan disiarkan didalam Warta Kerajaan dan mengikat semua orang-orang Islam didalam negeri berkenaan, ianya tidak menghalang Mahkamah Tinggi dari membuat penentuannya sendiri mengenai perkara yang sama. Seperti dinyatakan oleh Suffian F.J. (pada ketika itu);

" In my judgment, Wan Suleiman J. was right in ruling that he was ~~not~~ precluded by the gazetted fatwa from himself determining the validity of the wakaf. The High Court had power before the passage ~~the~~ the Trengganu Enactment to do so and this power could not be and has not been taken from it ~~by~~ the State Law. The 1957 Constitution which replaced the Federation of Malaya Agreement 1948, which Constitution with amendments is still in force today, has in no way altered the position."<sup>1</sup>

Kedua, bahawa wakaf yang diujudkan untuk faedah keluarga siwakif (family wakaf) yang tidak mempunyai unsur-unsur khairat adalah tidak sah. Keputusan ini berdasarkan suatu nas dari Privy Council yang pada pendapat Azni L.P. dan Suffian, F.J. mengikat Mahkanah-Mahkanah di Malaysia. Tetapi prinsip ini diragukan sebagai nas kerana undang-undang wakaf yang berkuatkuasa di Trengganu berbeza dari undang-undang di India dan Afrika Timur. Keputusan Privy Council diatas suatu rayuan dari India tidak semestinya mengikat Mahkanah-Makanah di Malaysia jika undang-undang yang berkuatkuasa di kedua negeri ini berbeza. Justeru itu kita masih bolh mengatakan bahawa wakaf yang dibuat untuk faedah keluarga siwakif adalah sah, seperti ditegaskan oleh Professor Ahmad Ibrahim,<sup>2</sup> bahawa;

"From the begining of Islam there has been a consensus of opinion, regarding the validity of wakafs in favour of one's children, kindred and neighbours. Practicing

1. Pada n.s. 227

2. Privy Council Decisions on Wakaf. Are They binding in Malaysia [1971] 2 MLJ VII

lawyers, experienced judges, jurists of every school are all in agreement in this point. There are minor differences, as to whether a wakaf can be created for one's self, whether the ultimate object should be designated, whether the property should be partitioned or not, whether transfer to the mutawalli is necessary or not, but so far as the validity of a wakaf constituting one's family or, descendants the recipients of the benefit, in whole or in part, is concerned, there is absolutely no difference."

Kedua wakaf an dan khas juga diperuntukan didalam Enakmen Trengganu. Selanjutnya pendapat-pendapat Azmi L.P dan Suffian F.J. adalah obiter kerana Mahkamah Persekutuan menutuskan atas alasan-alasan yang lain bahawa sahnya wakaf itu tidak boleh disoal.

---

1. Ibid, Pada n.s X.